

URUSAN PERTIMBANGAN KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT (PTM) GRED F44, F48, F52 & F54

Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Khidmat Pengurusan, MAMPU sedang dalam proses mengumpul maklumat bagi urusan pertimbangan kenaikan pangkat Pegawai Teknologi Maklumat (PTM) ke **Gred F44, F48, F52 & F54 yang telah memangku pada 31 Ogos 2017 dan sebelum**. Sehubungan itu, kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah dipohon untuk mengisi dan mengemukakan **dokumen yang lengkap** seperti berikut:

- i. [Lampiran I](#), [Lampiran A](#), [Lampiran B](#) dan [Lampiran C](#) yang terkini seperti yang dilampirkan;
- ii. Salinan LNPT 2015, 2016 dan 2017;
- iii. [Salinan LNPK](#);
- iv. Salinan Pengisytiharan Harta;
- v. Salinan Penyata Pembayaran/ Penyelesaian Pinjaman Pendidikan (sekiranya mempunyai pinjaman pendidikan);
- vi. Salinan Keputusan Tapisan Keutuhan SPRM; dan
- vii. Salinan Kenyataan Buku Perkhidmatan yang mengandungi maklumat:
 - a) Tarikh Pengesahan Lantikan
 - b) Tarikh Pengesahan dalam Perkhidmatan
 - c) Tarikh Kenaikan Pangkat Terakhir
 - d) Tarikh pegawai melapor diri untuk pemangkuan (**termasuk catatan penangguhan jika ada**)
 - e) Cuti Tanpa Gaji dan Cuti Separuh Gaji
 - f) Rekod tidak hadir bertugas tanpa kebenaran/ lucut hak emolumen
 - g) Rekod Cuti Belajar yang diluluskan
 - h) Maklumat Tatatertib

Kerjasama pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan adalah dimohon untuk mengemukakan dokumen yang telah lengkap diisi dan disahkan kepada Bahagian Khidmat Pengurusan, MAMPU **pada atau sebelum 14 September 2018 (Jumaat)** ke alamat seperti berikut:

**Ketua Pengarah
Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
Bahagian Khidmat Pengurusan
Aras 6, Blok B2, Kompleks B
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
(u.p.: Encik Piyapong a/l Soom Poon)**

Sebarang pertanyaan berhubung urusan kenaikan pangkat ini boleh dikemukakan terus kepada **Encik Piyapong a/l Soom Poon di talian 03-88723071** pegawai-pegawai berikut:

No.	Nama Pegawai	No. Telefon	E-mel[@mampu.gov.my]
1.	Puan Nur Aimi Hakimah binti Md Fiah	03-88723090	nuraimi
2.	Encik Solihin bin Naim	03-88927430	solihin

Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.